

08 SEP 1997

Nahas-Laporan

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MENUNGGU LAPORAN DCA MENGENAI NAHAS UDARA

KUALA LUMPUR, Sept 8 (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan perlu meneliti laporan daripada Jabatan Penerbangan Awam (DCA) mengenai nahas pesawat Dornier 228 di Miri yang mengorbankan kesemua 10 orang di dalamnya sebelum mengambil sebarang keputusan dan tindakan lanjut.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata beliau perlu menunggu laporan awal mengenai nahas itu daripada DCA.

Semasa bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, beliau berkata Ketua Pengarah DCA Datuk Zaini Omar mungkin telah memberi taklimat kepada Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengenai nahas itu.

Dr Ling berlepas ke Ulan Bator awal hari ini bersama rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk lawatan empat harinya ke Mongolia.

Enam rakyat Malaysia termasuk dua juruterbang dan empat warga asing terbunuh dalam tragedi itu apabila pesawat buatan Jerman yang tiba dari Brunei itu terhempas di sebuah bukit dalam Taman Negara Lambir, 14 km dari Lapangan Terbang Miri.

Semalam, pegawai DCA memberitahu Bernama bahawa pasukan seramai 10 orang yang diketuai Kpt Shukor Aziz yang bertanggungjawab menyiasat sebab-sebab nahas itu mungkin mengambil masa antara satu hingga dua bulan untuk menyelesaikannya.

Mohd Ali berkata beliau akan berlepas ke Miri hari ini bagi mendapatkan maklumat penuh daripada DCA mengenai nahas itu.

"Saya juga akan melawat Hospital Miri (di mana mayat mangsa nahas itu di simpan)," katanya. -- BERNAMA

ES NI AHH